

Murid mangsa buli enggan ke sekolah kerana takut kejadian sama berulang

Kesan lidah terpotong kekal

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KLANG – “Saya tidak mahu pergi sekolah. Saya takut kena buli lagi.”

Demikian luahan Muhammad Alif Shukran Alias, 8, murid tahun dua sebuah sekolah rendah di Bukit Tinggi di sini yang dipaksa menggantung lidah sendiri oleh lima pelajar lain di sekolahnya.

Alif ketika ditemui di rumah keluarganya di Bukit Tinggi di sini semalam semakin pulih daripada luka di lidahnya.

Dalam kejadian Khamis lalu, pelajar itu kehilangan setengah sentimeter lidahnya dan terpaksa menerima satu jahitan.

Siti Nurhuda Ibrahim, 29, iaitu ibu kepada Alif berkata, kesan potongan pada hujung lidah anaknya itu akan terus kekal.

Mengimbas insiden tersebut, Nurhuda berkata, selepas empat hari kejadian itu, Alif masih trauma dan enggan ke sekolah.

Nurhuda memberitahu, dia sendiri bertekad untuk tidak menghantar anaknya ke sekolah itu lagi.

“Saya bercadang untuk menukar anak saya ke sekolah lain. Ia bukan sahaja untuk kebaikan Alif tetapi



KERATAN Kosmo! semalam.

“Saya bercadang untuk menukar anak saya ke sekolah lain. Ia bukan sahaja untuk kebaikan Alif tetapi juga demi mententeramkan jiwa saya

SITI NURHUDA IBRAHIM

juga demi mententeramkan jiwa saya,” ceritanya.

Mengenai luka pada lidah Alif, Nurhuda berkata, semalam anaknya itu sudah mula makan berbanding pada hari pertama kejadian dia enggan makan kerana terasa sakit.

“Hari ini (semalam) Alif sudah makan nasi berbanding sebelum ini yang hanya makan makanan lembut dan minum menggunakan penyedut.

Sementara itu, Pakar Perunding Bedah Mulut dan Maksilofasial Hospital Canselor Tuanku Muhriz Pusat Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohd. Na-

zimi Abd. Jabar berkata, kanak-kanak yang cedera di lidah itu perlu dirawat secara berterusan bagi memastikan sebutan beberapa huruf seperti T, D, N, Z, L dan S dapat dilakukan dengan baik.

“Pada peringkat awal tempoh penyembuhan, kanak-kanak itu mungkin mengalami gangguan rasa kerana keadaan lidah yang masih sakit namun lama-kelamaan ia akan kembali pulih,” kata beliau ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut Nazimi, tempoh untuk sembuh sepenuhnya dijangka mengambil masa dua hingga empat minggu.



ALIF pada hari pertama lidahnya luka akibat dibuli lima pelajar bertopeng.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Pendidikan Selangor, Zainureen Mohd. Nor berkata, pihaknya sedang menunggu laporan siasatan polis dan sekolah untuk mengambil tindakan lanjut.

“Laporan awal kita telah terima daripada guru besar sekolah berkenaan. Bagaimanapun, kita tunggu laporan lebih terperinci daripada pihak-pihak terbabit.

“Kita juga mahu lihat laporan polis dan kita sedang menunggu hasil siasatan tersebut,” kata beliau ketika dihubungi di sini semalam.



NURHUDA memakaikan baju kepada Alif yang menjadi mangsa buli lima pelajar sekolahnya di rumah mereka di Bukit Tinggi, Klang semalam.

Bagaimanapun, Zainureen berkata, sebelum ini Jabatan Pendidikan Selangor tidak pernah menerima laporan mengenai kejadian buli di sekolah itu.

Kosmo! semalam melaporkan, kejadian buli dalam kalangan murid sekolah kini semakin pelik apabila seorang murid

tahun dua dipaksa menggantung lidah sendiri oleh sekumpulan lima murid tahun tiga.

Mangsa buli mendakwa, insiden itu berlaku di dalam tandas dan dia telah dipegang lima pelajar seniornya yang memakai topeng kertas sebelum memaksa dirinya menggantung sendiri lidahnya.